

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGESAHKAN TAN SRI ABDOUL HAMID OMAR TELAH DILANTIK SEBAGAI KETUA HAKIM NEGARA.

PERLANTIKAN ITU DIBUAT OLEH MAJLIS RAJA-RAJA PADA PERSIDANGANNYA BARU-BARU INI DI ISTANA NEGARA DI SINI, KATA BELIAU SEBAGAI MENJAWAB SOALAN PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN +PAHERAN PATRIOT DAN MESARANAN+, PAHERAN SEBAGAI PENGHORMATAN KEPADA TUN SIR HENRY H.S. LEE DI MUZIUM NEGARA DI SINI.

PERSIDANGAN RAJA-RAJA KE-143 SELAMA DUA HARI ITU BERMULA 7 NOV DIFENSERUSIKAN OLEH RAJA PERLIS.

TAN SRI HAMID, 59, DILANTIK SEBAGAI PEMANGKU KETUA HAKIM NEGARA PADA 1 JUN LEPAS BERIKUTAN PENGGANTUNGAN TUN MOHAMED SALLEH ABAS.

TUN SALLEH DIPECAT PADA 3 OGOS SELEPAS SATU TRIBUNAL YANG DITUBUHKAN BIASA MENYIASAT TUDUHAN SALAH LAKU TERHADAP BELIAU MENDAPATINYA BERSALAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TAN SRI HAMID AKAN MEMPERAKUKAN PENGGANTINYA SEBAGAI HAKIM BESAR MALAYA KEPADA YANG DI-PERTUAN AGUNG MELALUI PERDANA MENTERI.

KETIKA DITANYA SAHA ADA KETUA HAKIM NEGARA TELAH BERBUAT DERIKIAN, BELIAU MENJAWAB, +BERIKAN BELIAU MASA. BELIAU BARU SAHAJA DILANTIK.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA ENGGAN MENGULAS SAHA ADA TERDAPAT KEBENARAN TENTANG KHABAR ANGIN MENGENAI RUMBAKAN KABINET.

SEBUAH TABLOID BAHASA MALAYSIA HARI INI BERKATA MAID PRESIDEN UMNO DATUK ABDULLAH BADANI DIJANGKA MENYERTAI KABINET SEBAGAI MENTERI PENERANGAN, MENSAMBIL ALIH DARIPADA DATUK MOHAMED RAHMAT.

PERDANA MENTERI, KATANYA, AKAN MENSOSONGKAN JAMATAN MENTERI DALAM NEGARI BIASA DIISI OLEH DATUK MOHAMED.

MENGENAI LAPORAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, + ANAK SENUA YANG MEMULAKAN KHABAR ANGIN.+ -- BERNAMA